


## Perkembangan Hubungan Iran-Amerika Syarikat Pasca Perang Dunia Kedua Sehingga Pasca Perang Dingin

### *(Development of Iran-United States Relations after the Second World War until the Cold War)*

Siti Aisyah Tajari<sup>1</sup>, Noraini Zulkifli<sup>2\*</sup> 

<sup>1</sup>Department of International Relations, Security and Law, Faculty of Management and Defence Studies, National Defence University of Malaysia (UPNM), 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [sitiaisyahtajari99@gmail.com](mailto:sitiaisyahtajari99@gmail.com)

<sup>2</sup>Department of International Relations, Security and Law, Faculty of Management and Defence Studies, National Defence University of Malaysia (UPNM), 57000, Kuala Lumpur, Malaysia.

Email: [noraini@upnm.edu.my](mailto:noraini@upnm.edu.my)

#### CORRESPONDING

##### AUTHOR (\*):

Noraini Zulkifli

([noraini@upnm.edu.my](mailto:noraini@upnm.edu.my))

#### KATA KUNCI:

Amerika Syarikat

Asia Barat

Iran

Revolusi 1979

Pasca Perang Dingin

#### KEYWORDS:

United States of America

West Asia

Iran

Revolution 1979

Post Cold War

#### CITATION:

Siti Aisyah Tajari & Noraini Zulkifli. (2022).

Perkembangan Hubungan Iran-Amerika

Syarikat Pasca Perang Dunia Kedua

Sehingga Pasca Perang Dingin. *Malaysian*

*Journal of Social Sciences and Humanities*

(MJSSH), 7(7), e001663.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i7.1663>

#### ABSTRAK

Revolusi Iran pada tahun 1979 bukan sahaja mengubah domestik dalaman Iran dari sebuah kerajaan monarki ke Republik Islam, malah turut mencorakkan landskap dan geopolitik Rantau Asia Barat. Hubungan diplomatik antara Iran dan Amerika sudah terbentuk sejak pertengahan abad ke-19 lagi namun perlahan-lahan hubungan Iran dan Amerika mengalami perkembangan dengan pelbagai isu yang menyebabkan berlakunya ketegangan antara kedua-dua buah negara sehingga kini. Walaupun banyak usaha dilakukan untuk memperbaiki hubungan dua hala namun banyak masalah yang menghalangnya lebih-lebih lagi dengan timbulnya banyak isu yang melibatkan kepentingan negara masing-masing. Kajian ini mempunyai dua objektif. Pertama, untuk mengkaji perkembangan dalam hubungan Iran- Amerika sejak perang dunia serta menganalisis isu-isu yang mempengaruhi hubungan Iran-Amerika Syarikat selepas era pasca Perang dingin. Kajian ini menggunakan sumber sekunder sepenuhnya. Dapatan kajian ini adalah 1). Revolusi Iran yang berlaku pada tahun 1979 menjelaskan bahawa perubahan politik negara tidak hanya mempengaruhi politik domestik, tetapi juga mampu mengubah landskap politik serantau. Kemunculan Amerika sebagai kuasa besar selepas Perang Dingin dilihat menjadi pencabar kepada Iran untuk menjadi kuasa besar di Asia Barat; 2). Program nuklear Iran menjadi sentimen terkuat yang digunakan Amerika dalam cubaan mereka untuk mengurangkan pengaruh Iran di Asia Barat.

#### ABSTRACT

The Iranian Revolution of 1979 not only transformed Iran's domestic politics from a monarchical government to the Islamic Republic but also shaped the landscape and geopolitics of the West Asian Region. Diplomatic relations

between Iran and the United States have been established since the middle of the 19th century, but slowly the relations between Iran and the United States have developed with various issues that have caused tensions between the two countries until now. Although many efforts have been made to improve bilateral relations, there are many problems that hinder it, especially with the emergence of many issues involving the interests of their respective countries. This study has two objectives. First, to study developments in Iranian-American relations since the world war and to analyze the issues affecting Iranian-US relations after the post-Cold War era. This study used entirely secondary sources. The findings of this study are 1). The Iranian revolution in 1979 made it clear that the country's political changes not only affected domestic politics but were also capable of changing the regional political landscape. The emergence of America as a superpower after the Cold War was seen as a challenge to Iran to become a superpower in West Asia; 2). Iran's nuclear program became the strongest sentiment the Americans used in their attempts to reduce Iran's influence in West Asia.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dengan memberikan perspektif yang baru berkaitan dengan hubungan Iran dan Amerika Syarikat berdasarkan perkembangan semasa.

## 1. Pengenalan

Sejarah hubungan Iran dan Amerika Syarikat dapat dilihat bermula pada Disember 1856 apabila Iran dan Amerika menandatangani perjanjian perdagangan dan persahabatan yang mana secara rasminya telah menyatakan persefahaman baik yang tulus dan berterusan (Yonah & Nanes, 1980). Pada waktu tersebut, Amerika begitu disanjung oleh Iran secara keseluruhannya. Kerjasama dan penglibatan Amerika diterima dengan baik di Iran kerana pada masa tersebut Iran sedang dalam cubaan menghentikan tekanan Britain dan Rusia terhadap integriti wilayahnya. Iran melihat hubungan diplomatik yang dijalin bersama Amerika dapat untuk mengimbangi pengaruh Britain dan Rusia (Mousavian & Shahidsaless, 2015). Apa yang bermula sebagai perjanjian ekonomi di antara kedua-dua negara pada tahun 1856 akhirnya membawa kepada terbentuknya hubungan diplomatik secara formal, dengan pembukaan misi diplomatik Amerika Syarikat di Tehran pada tahun 1883 dan wakil Iran pertama tiba di Washington pada tahun 1888 (U.S. Virtual Embassy Iran, 2017). Hubungan yang baik di antara Iran dan Amerika kekal selama beberapa tempoh masa. Kejayaan Amerika bagi tidak campur tangan dengan urusan dalaman Iran semakin menimbulkan rasa percaya Iran terhadap Amerika. Selepas Perang Dunia Pertama, Iran mengalami kemerosotan ekonomi dan pada masa yang sama para pemerintah termasuk monarki Iran ingin mengukuhkan pengaruhnya di wilayah tersebut. Kerajaan Iran berusaha untuk menarik pelaburan asing bagi membantu meningkatkan kembali ekonomi Iran. Iran melihat komoditi yang paling sesuai dan boleh menyediakan intensif yang terbaik adalah minyak. Walau bagaimanapun, British melalui perjanjian sebelumnya, telah memperoleh konsesi minyak yang sepenuhnya berat sebelah dan memihak kepada mereka. Oleh kerana sektor kewangan Iran kucar-kacir sekali lagi, Tehran meminta Washington untuk

membantu dalam mengesyorkan individu untuk berkhidmat sebagai penasihat kewangan negara (Denovo, 1963).

Dalam operasi ketenteraan 1943, tentera Amerika pertama mendarat di tanah Iran untuk membantu mendapatkan laluan bekalan ke Kesatuan Soviet. Peristiwa ini menandakan kemuncak kepada strategi berlepas tangan Amerika di Iran. Namun, Iran masih melihat bahawa Amerika akan sentiasa menyokong hak mereka dalam menentukan nasib negara mereka sendiri. Terdapat dua peristiwa yang menyokong pandangan Iran terhadap Amerika. Yang pertama adalah Persidangan Tehran pada tahun 1943, di mana Stalin, Roosevelt, dan Churchill, para pemimpin Rusia, Amerika Syarikat, dan Britain menyatakan komitmen mereka terhadap kedaulatan Iran dan mengakui sumbangannya yang tidak ternilai dalam usaha perang Sekutu. Kejadian kedua berlaku selepas perang, pada tahun 1946. Di bawah Perjanjian tiga pihak, British telah menunaikan janji mereka dan berundur dari wilayah Iran, sementara Soviet pula enggan untuk memberikan kerjasama (Miglietta, 2002). Tempoh menunggu enam bulan akhirnya berakhir, dan tidak ada petunjuk mengenai penarikan Tentera Soviet. Presiden Truman memberi Amaran kepada Rusia untuk menarik tentera mereka daripada Iran. Soviet akhirnya menarik tentera mereka pada bulan Mei 1946. Campur tangan oleh Presiden Truman membantu mengukuhkan lagi kepercayaan Iran terhadap Amerika Syarikat (Brotons, 2010).

## 2. Hubungan Iran-Amerika Selepas Perang Dunia Kedua

Selepas Perang Dunia Kedua, Iran berhadapan dengan kegawatan ekonomi yang disebabkan oleh pemimpin Iran khususnya monarki Iran yang dilihat lemah di bawah pimpinan Mohammad Reza Shah. Dalam usaha untuk menguasai sumber minyak sendiri, parlimen Iran (Majlis) pada tahun 1949 mula merenung terma baru bagi perjanjian minyak dengan Anglo-Persian Oil Company (AIOC). Tokoh yang memperjuangkan tujuan ini adalah Dr. Mohammad Mossadegh, yang mana percubaan rundingannya gagal kerana keengganan British untuk menyesuaikan syarat-syarat perjanjian. Pada masa ini, Iran sekali lagi berpaling kepada Amerika Syarikat untuk memainkan peranan pengantara dan mendukung kebebasan mereka dalam menghadapi pencerobohan British (Mousavian & Shahidsaless, 2015). Menjelang tahun 1951, Iran menghadapi masalah minyak dan ditambah pula dengan gelombang nasionalisme yang semakin meluas di negara tersebut. Hal ini akhirnya memuncak dan akhirnya Majlis Iran mengumumkan pada bulan Mac 1951 untuk nasionalisasi minyak Iran. Sebulan kemudian, didesak oleh permintaan masyarakat, Mohammad Mossadegh dilantik menjadi Perdana Menteri Iran yang baru oleh Shah (Sharp, 2014). British menetapkan untuk menggulingkan Mossadeigh. Beberapa minggu kemudian British meminta Amerika untuk membantu mereka melakukan rampasan kuasa. Permintaan tepat dan dipersetujui oleh Dwight Eisenhower yang terpilih sebagai Presiden Amerika pada waktu itu (Kinzer, 2011).

Agensi perisikan Amerika Syarikat (CIA) dengan bantuan agen perisikan British (MI6) mengatur rampasan kuasa, menumbangkan Mohammed Mossadegh dan mengembalikan kuasa kepada Shah, Mohammed Reza Pahlavi. Penggulingan adalah berikutan tindakan nasionalisasi Mossadeq terhadap Anglo-Persian Oil Company (AIOC) yang menyebabkan British mengenakan sekatan minyak ke atas Iran. Gagal menundukkan kehendak Mossadegh, British berusaha untuk mendapatkan sokongan Amerika. Dengan bantuan beberapa orang penting Iran, mereka melancarkan kempen propaganda terhadap Mossadegh dan meyakinkan Shah untuk ikut serta dalam kudeta. Akhirnya, rampasan kuasa telah berjaya dan membawa kembali kepada kuasa monarki

yang pro barat. Disebabkan pengaruh Shah Reza tidak begitu kuat dan popular di kalangan penduduk, maka monarki Iran bergantung kepada sokongan Amerika untuk kekal berkuasa sehingga penggulingan beliau pada tahun 1979 (Abrahamian, 2015).

### 3. Revolusi 1979

Iran mengalami revolusi terbesar pada tahun 1979. Antara sebab utama teretusnya Revolusi Iran 1979 adalah pemerintahan Shah tidak disenangi oleh rakyat Iran disebabkan oleh tindakan Reza Shah yang memodenkan Iran mengikut model industri barat. Reza Shah mendorong ekonomi kapitalis yang dilihat lebih berintegrasi dengan jaringan perdagangan global. Reformasi ekonomi yang dijalankan hanya memberi kelebihan kepada golongan pemerintah tetapi tidak rakyat biasa yang mana menyebabkan terbentuknya jurang antara rakyat Iran. Pembaharuan yang dibuat oleh Reza Shah juga turut merangkumi idea-idea barat seperti sekularisasi dalam budaya Iran. Bagi rakyat Iran yang secara tradisional merupakan sebuah negara yang beragama Islam, pembaharuan dan modenisasi yang dibuat oleh Reza Shah ini sangat membimbangkan (Ozalp, 2019). Jutaan penunjuk perasaan membanjiri jalanan dan para pekerja mogok. Ikon Shah pula dirosakkan dan dibakar oleh rakyat sebagai tanda protes. Tidak ada ruang untuk Shah memerintah yang mana telah menyebabkan Reza Pahlavi mengambil keputusan untuk meninggalkan Iran pada 16 Januari dan menyerahkan pemerintahan kepada Perdana Menteri Shapour Bakhtiar. Kurang dari dua minggu kemudian, pada 1 Februari 1979, Ayatollah Ruhollah Khomeini, dari Perancis kembali ke Iran. Kepulangannya telah mendorong kepada gerakan revolusi. Revolusi Iran adalah sebuah gerakan popular yang merangkumi spektrum yang luas. Ciri-ciri ideologinya lebih jelas dikenal sebagai anti-imperialis, nasionalis, anti-diktator, dan kebangkitan Islam ketika gerakan itu berjalan. Ini dapat dilihat dalam slogan revolusi iaitu kemerdekaan, kebebasan, dan republik Islam. Golongan penentang menganggap perlunya pengurangan jurang antara kaya dan miskin, dan gagasan sebuah republik Islam merangkumi penghormatan, perlindungan dan peningkatan budaya Iran secara keseluruhan (Abrahamian, 2019).

Dalam apa jua keadaan, Amerika Syarikat memberi jaminan kepada Reza Shah bahawa mereka akan menyokongnya sehingga akhir. Walaupun selepas pembunuhan beramai-ramai dalam peristiwa Jaleh Square pada Jumaat September 8, 1978, Presiden Carter memanggil Shah untuk memastikan sokongan terus Amerika terhadap pimpinan Shah Pahlavi. Walaupun begitu, pentadbiran Presiden Carter sedar bahawa Shah tidak berpeluang untuk bertahan dari pergolakan tersebut. Ini menyebabkan kerajaan Amerika mengambil pendirian berhati-hati untuk memberikan sokongan kepada Shah Pahlavi kerana kemungkinan pentadbiran baru yang akan mengambil alih (Emery, 2013). Secara keseluruhan, sebenarnya Iran tidak memutuskan hubungannya dengan Amerika Syarikat setelah berlakunya revolusi dan Amerika Syarikat juga dilihat dapat mengakui pemerintahan revolusi yang baru. Ini merupakan petunjuk yang jelas bahawa kedua-dua negara itu berencana untuk membuka babak baru dalam hubungan antara Iran dan Amerika. Walau bagaimanapun, kejadian militan Iran menculik 66 orang awam Amerika di kedutaan Amerika Syarikat di Tehran dan menahan 52 daripadanya selama lebih dari setahun telah menjadi titik perubahan kepada hubungan Iran dan Amerika. Tidak banyak yang dapat membayangkan bahawa krisis tebusan akan memberikan kesan yang berpanjangan. Itulah permulaan era baru, yang ditandai dengan permusuhan dan ketidakpercayaan yang kuat, dalam hubungan antara Iran dan Amerika Syarikat (Mousavian & Shahidsaless, 2015).

### 3.1. Revolusi Iran dan Kesan Kepada Kestabilan Politik di Asia Barat

Tepat setelah penubuhan Republik Islam pada tahun 1979, negara-negara Sunni yang berjiran dengan Iran mula berasa gusar dengan apa yang mereka anggap sebagai kebangkitan pemerintah Syiah di timur. Arab Saudi dan negara-negara jiran di rantau Asia Barat yang lain cuba untuk meningkatkan kedudukan kuasa kolektif mereka dengan membentuk organisasi baru pada Mei 1981, yang disebut Majlis Kerjasama Teluk (GCC). Tujuan penubuhan GCC adalah untuk mempertahankan pemerintahan suku Syeikh daripada enam negara anggota. Tetapi dapat dilihat dengan jelas matlamat sebenar penubuhan organisasi serantau ini adalah untuk mengekang status Iran yang meningkat sebagai negara Islam revolusioner. Selain itu tujuan lain penubuhannya adalah untuk membendung semangat pro-demokratik Iran dengan cara menarik umat Islam Syiah dan Sunni di seluruh dunia untuk menggulingkan rejim "tidak Islamik" Iran (Nakhleh, 2019). Ketidakstabilan politik rantau Asia Barat selepas Revolusi Iran bermula dengan teretusnya Perang Iraq-Iran. Negara-negara GCC membelanjakan berbilion-bilion dolar dalam usaha menyokong perang Saddam selama lapan tahun terhadap Iran dan negara barat, termasuk Amerika Syarikat, untuk menyokong Iraq. Pada masa itu, Mesir adalah kuasa hegemoni di Asia Barat dan negara utama dalam melawan Israel sehingga menandatangani perjanjian damai pada tahun 1979. Saddam Hussein berusaha untuk menggantikan Mesir sebagai hegemoni pan-Arab baru untuk menyeimbangkan dan memerangi pengaruh Israel. Namun kehadiran Iran dilihat sebagai mengancam status quo dunia Arab (Al Marashi, 2019).

Revolusi Iran menjadi titik kepada perubahan politik negara timur tengah di zaman moden. Demonstrasi kemampuan politik Islam oleh revolusi Iran yang mempolitikkan budaya politik serantau mengakibatkan ketidakstabilan lebih lanjut di rantau ini. Gerakan militan, baik dari segi politik dan keagamaan percaya bahawa mereka mampu menggunakan Islam sebagai mekanisme politik yang kuat untuk mempolitikkan, memobilisasi, radikalisasi rakyat untuk menghadapi negara-negara autoritarian di seluruh Timur Asia Barat. Suara revolusi Iran terdengar di seluruh dunia dari peringkat awal dan khususnya mengejutkan negara-negara dengan minoriti Muslim yang besar. Asas politik negara-negara jiran mulai goyah terutama dari negara-negara yang memiliki populasi Syiah yang signifikan seperti Arab Saudi, Kuwait, Bahrain dan Iraq. Angin revolusi Iran tersebar ke setiap negara di Timur Tengah. Bahrain dan Iraq, dengan majoriti besar Syiah terancam oleh idea-idea rentas sempadan yang dapat mencetuskan pemberontakan Syiah (Shahi, 2011). Revolusi Iran 1979 juga telah mengubah landskap politik Asia Barat dengan cara pembentukan blok-blok negara iaitu negara yang Pro-Saudi dan Pro-Iran. Saudi dan Iran merupakan dua negara yang bersaing di Rantau Asia Barat khususnya selepas Revolusi Iran 1979 yang telah memperlihatkan kebangkitan pengaruh Iran di bawah pemerintahan yang baru. Kedua-dua negara ini berusaha untuk menjadi kuasa hegemoni di rantau tersebut. Kesannya, persaingan ini mewujudkan negara proksi Sunni dan proksi Syiah. Kedua-dua negara ini bertindak meluaskan pengaruh dengan memberi perlindungan kepada negara-negara Arab di rantau tersebut sama ada dari kalangan negara pro-sunni atau negara pro-syiah (Daud, 2018).

### 3.2. Kesan Revolusi Kepada Hubungan Iran-Amerika Syarikat

Selepas daripada penggulingan Shah dan juga Revolusi Islam di Iran, dapat dilihat berlakunya perubahan terhadap hubungan Iran dan Amerika. Ketegangan hubungan Iran dan Amerika dimulakan dengan sekatan ekonomi yang dikenakan ke atas Iran

selepas daripada krisis tebusan yang berlaku. Sekatan jelas memainkan peranan penting dalam dasar paksaan yang dijalankan Amerika terhadap Iran. Iran melihat tekanan yang meningkat oleh Amerika adalah untuk mencapai dua tujuan: pertama, untuk menghalang kebangkitan Islam dan mencegahnya daripada menyebarkan pengaruh ke negara-negara lain kerana kejayaan Revolusi Iran dilihat akan dijadikan contoh kepada negara-negara di Asia Barat yang mungkin mencari perubahan yang serupa; kedua, untuk mendapatkan kembali pengaruh Amerika di Iran dengan menerapkan pemerintahan klien yang pro-Barat (Saikal, 2019). Hubungan Iran dan Amerika menjadi semakin keruh semasa tercetusnya perang Iraq- Iran. Sokongan perisik dan logistik Amerika memainkan peranan penting dalam mempersenjatai Iraq dalam Perang Iran-Iraq. Dalam mencari satu set baru atau perintah di rantau itu, kerajaan Amerika Syarikat mengamalkan dasar yang direka untuk mempengaruhi kedua-dua Iran dan Iraq dari segi ekonomi dan ketenteraan yang memihak kepada kepentingan negara Amerika Syarikat ini. Semasa Perang Iran-Iraq, Pentadbiran Reagan menjalankan sekatan ekonomi yang ketat terhadap Iran dan pada masa yang sama menjalin hubungan diplomatik penuh dengan mengeluarkan pemerintahan Saddam Hussein di Iraq dari senarai Penaja Keganasan Negara pada tahun 1984. Menurut Jawatankuasa Perbankan Senat Amerika Syarikat, pentadbiran Presiden Reagan dan George H. W. Bush membenarkan penjualan banyak barang keperluan ke Iraq, termasuk bahan kimia beracun dan virus biologi yang mematikan. Perang Iran-Iraq berakhir dengan kedua-duanya menyetujui gencatan senjata pada tahun 1988 (Simbar, 2006).

Dari sudut pandang Iran, keamanan dan kestabilan Asia Barat telah diputuskan oleh kuasa-kuasa Barat untuk lebih daripada satu abad, tanpa sebarang kedudukan penting yang dimainkan oleh negara-negara serantau. Iran menekankan bahawa negara-negara Asia Barat boleh memainkan peranan yang lebih menonjol dalam kestabilan di rantau ini. Perspektif ini jauh berbeza dengan pandangan anggota Majlis Kerjasama Teluk (GCC) yang bertujuan untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan melalui pakatan politik, ketenteraan dan keselamatan dengan Amerika Syarikat dan kuasa-kuasa Barat lain. Iran berpendapat bahawa kuasa-kuasa Barat telah menghalang demokrasi negara-negara Islam dengan menggalakkan struktur politik konvensional di rantau ini dan menyekat pembaharuan di Asia Barat (Emery, 2013). Kuasa Barat mempunyai kebimbangan mengenai usaha Iran membangunkan teknologi nuklear sejak tahun 1980. Ini juga menjadi faktor yang mengeruhkan hubungan Iran dan Amerika. Pada mulanya, selepas revolusi 1979, Khomeini memulakan pencarian rakan dagang yang bersedia membantu pengaktifan semula program nuklear Iran - objektif yang dia pasti sedar akan menimbulkan kemarahan Barat. Untuk mengelakkan permusuhan Amerika dan sekutunya, Iran mengajak Amerika dan Eropah untuk terlibat dalam pembinaan reaktor baru. Tujuannya adalah untuk mengelakkan kecurigaan dengan melibatkan Amerika sebagai rakan dagang, tetapi undangan itu tidak diterima. Akibatnya, Iran beralih ke Kesatuan Soviet dan China (Kinch, 2016). Ketegangan semakin memuncak dengan tindakan Amerika yang menetapkan Iran sebagai penaja kumpulan pengganas dan menjatuhkan sekatan ke atas Iran.

Dokumen CIA menyatakan bahawa terdapat 60 serangan terhadap Amerika Syarikat, Perancis dan negara Arab lain pada tahun 1984 disokong oleh Iran. Hal ini juga termasuk dengan serangan ke atas Kedutaan Amerika Syarikat di Lebanon. Hezbollah, sebuah parti politik dan kumpulan pengganas yang berpusat di Lebanon, telah ditubuhkan pada tahun 1985. Kumpulan ini mengutuk campur tangan Israel dan Barat di Timur Tengah. Kumpulan ini mendapat bantuan latihan dan kewangan yang besar dari Iran dan Kor Pengawal Revolusi Islamnya. Kehadiran kumpulan ini dilihat sebagai

proksi untuk Iran, dan Amerika Syarikat telah mengklasifikasikannya sebagai kumpulan pengganas. Tindakan Amerika Syarikat ini telah menyebabkan Iran dilihat sebagai sebuah negara yang menaja kumpulan pengganas (DeVore, 2012). Iran berada di era paling radikal pada tahun 1980-an. Pentadbiran Reagan pada waktu itu cuba untuk bagi mewujudkan semula hubungan baik dengan Iran dengan cara penjualan senjata kepada pemerintah Iran yang lebih pragmatik. Insiden ini dikenali sebagai skandal Iran-Contra. Presiden Hashemi Rafsanjani, seorang ahli politik terkemuka Iran yang paling disifatkan sebagai sentris, mengamalkan dasar ekonomi pasaran-bebas, memihak kepada penswastaaan industri milik negara, dan moderat. sebagai Pemimpin Tertinggi yang dilantik, Ayatollah Khomeini secara prinsip bersetuju dengan objektif untuk memperbaiki hubungan dengan Barat, namun Amerika Syarikat akan kekal dianggap sebagai saingan Iran (Sadjadpour, 2017).

#### 4. Perkembangan Politik Iran Selepas Perang Dingin

Berakhirnya Perang Dingin bertepatan dengan kematian pengasas Republik Islam Iran yang menandakan permulaan masa peralihan. Pengasas Republik Islam Iran, Ayatollah Ruhollah Khomeini, meninggal dunia pada 3 Jun 1989. Kematiannya menimbulkan kekacauan dalam sistem republik yang telah ditubuhkan di Iran. Berdasarkan prinsip velayat-e faqih, atau 'hukum perundangan,' sistem ini memerlukan kehadiran pemimpin ulama yang sangat dihormati untuk memerintah yang mana turut memainkan peranan sebagai imam Syiah yang terakhir. Dengan kematian Khomeini, masalah yang dihadapi oleh Iran adalah untuk melantik seorang Ulama yang cukup berpengalaman dan yang mempunyai tahap kepimpinan dan pengaruh yang sama seperti Ayatollah Khomeini (Mousavian & Shahidsaless, 2015). Presiden Ali Khamenei akhirnya terpilih sebagai pemerintah tertinggi Iran pada tahun 1989 walaupun pangkat keagamaannya secara relatif lebih rendah berdasarkan sistem autoriti Islam. Namun selepas pelantikan Khomeini, terdapat beberapa masalah yang timbul. Masalah struktur kepimpinan timbul kerana pada sifat kuasa yang diamalkan oleh sistem ini. Kematian Khomeini dilihat sebagai satu ancaman bagi pemerintah Iran kerana ketiadaan panel timbang tara terakhir dan tertinggi yang akan menyebabkan berlakunya konflik intra-pemerintah. Keadaan ini akhirnya membahagi pandangan politik di Iran terdiri daripada dua pihak. Yang pertama adalah golongan yang sederhana dan radikal dan yang kedua adalah golongan yang konservatif. Dengan pelantikan Ayatollah Khamenei sebagai pemimpin tertinggi dan pemilihan presiden Rafsanjani, keutamaan dasar luar negara diubah dari ideologi menjadi pragmatik, dengan penekanan lebih besar pada kepentingan nasional (Jahanpour, 2009).

Rafsanjani menjadi presiden dalam pilihan raya pada tahun 1989 setelah kematian Khomeini. Sebagai presiden, dia berusaha melonggarkan kawalan sosial, membuka ekonomi kepada sektor swasta, dan memperkuat hubungan dengan dunia luar, terutama Amerika Syarikat. Dia telah memulai inisiatif pemulihan untuk mengatasi bahaya fizikal yang ditimbulkan oleh perang Iraq. Bahaya fizikal yang dimaksudkan adalah isu keselamatan dan keamanan di kawasan sempadan Iran dan Iraq. Namun, Rafsanjani tidak berminat untuk melepaskan pengaruh terhadap media dan politik (Haleh, 2017). Tidak ada keraguan bahawa sejak kematian Ayatollah Khomeini, sistem politik di Iran telah berubah. Dari pendekatan dogmatis, progresif ke arah struktur demokratik yang hampir realistik, oportunistik dan kurang optimis. Seterusnya, kekuasaan cenderung lebih tersebar di persekitaran politik pasca-Khomeini daripada di bawah Khomeini. Tidak ada satu entiti yang akan menguasai keseluruhan sistem hari ini dan secara serentak

memikul peranan sebagai petimbang-tara dan pengatur yang sangat berharga (Mozaffari, 1993).

## 5. Latar Belakang Hubungan Iran-Amerika Syarikat Selepas Perang Dingin

Akhir zaman Perang Dingin bertepatan dengan permulaan dengan perubahan dalam dasar luar Iran. Kejatuhan Kesatuan Soviet telah mewujudkan satu wilayah geopolitik penting di utara Iran. Kematian Ayatollah Khomeini pada tahun 1989 dan pemilihan penggantinya serta peningkatan kuasa presiden berdasarkan draf baru perlembagaan Iran adalah dua peristiwa penting yang mempengaruhi pandang para pemimpin Iran mengenai hubungan antarabangsa mereka di dunia geopolitik secara signifikan selepas Perang Dingin. Sebenarnya, itu adalah masa peralihan Iran, permulaan perubahan yang pasti dari nilai-nilai revolusioner kepada pemikiran yang lebih rasional. Sesungguhnya, dengan Ayatollah Khamenei sebagai pemimpin tertinggi dan pemilihan presiden Rafsanjani, keutamaan dasar luar negara diubah dari ideologi menjadi pragmatik, dengan penekanan lebih besar pada kepentingan nasional (Naji & Jawan, 2011). Semasa menjadi Presiden Iran (1989–97), Rafsanjani menyokong dan membentuk kerjasama dengan Barat khususnya dengan Amerika Syarikat walaupun secara tersirat. Kerjasama ini adalah atas dasar kebersamaan, dasar tidak campur tangan dalam urusan domestik dalam negara, dan mempromosikan kepentingan bersama di antara kedua-dua buah negara. Model diplomatik ini mempertimbangkan permusuhan antara Iran dan Amerika Syarikat selepas Revolusi 1979 dan pertimbangan terhadap sejarah yang dimiliki. Iran dan Amerika tetap positif dan optimis berkenaan dengan prospek normalisasi hubungan berdasarkan kepentingan nasional kedua-dua belah pihak (Mousavian & Shahidsaless, 2015).

Presiden Hashemi Rafsanjani, seorang ahli politik terkemuka Iran yang paling digambarkan sebagai konservatif, telah mengikuti agenda ekonomi pasaran bebas, memihak kepada penswastan industri milik negara, dan sikap asing yang pragmatik. Semasa Perang Dingin, penguasaan Kesatuan Soviet menjadi tumpuan utama Amerika Syarikat di Timur Tengah. Walaupun selepas Perang Dingin Kesatuan Soviet sudah tidak lagi menjadi ancaman, tetapi terdapat beberapa masalah baru yang muncul disebabkan oleh kejatuhan Kesatuan Soviet. Ini termasuk perkembangan ekonomi, perjuangan budaya, agama, nasionalis dan percambahan senjata dan teknologi. Perpecahan Kesatuan Soviet juga mempunyai akibat yang lebih luas bagi negara-negara Timur Tengah yang berdekatan dengan negara Komanwel Negara Bebas (CIS) yang sebelum ini berada di bawah kawalan Kesatuan Soviet. Perpecahan itu memberi kesan kepada Iran, Iraq, Syria, Turki, Afghanistan, Pakistan dan India. Hal yang mengancam kepentingan Amerika Syarikat secara langsung dengan kebangkitan kuasa serantau, seperti Iran dan Iraq, yang sekarang memiliki lebih banyak kebebasan untuk bertindak demi kepentingan mereka sendiri (Nazir, 2015).

## 6. Pandangan Amerika Mengenai Peranan Iran dalam Aktiviti Keganasan Pasca Perang Dingin

